

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HGM 131 Geografi Manusia

Masa : [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNG LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan dari yang berikut. **DUA** [2] soalan dari setiap bahagian. **SEMUA** soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan mengapa konsep ruangan dan pendekatan perilaku sangat dipentingkan dalam geografi manusia.

[25 markah]

2. Huraikan peranan agama daripada perspektif geografi dan seterusnya jelaskan bagaimakah aktiviti-aktiviti keagamaan penganut-penganut agama tertentu dapat dianggap sebagai respon kepada perilaku ruangan di peringkat tempatan, negeri dan global.

[25 markah]

3. Perubahan perilaku manusia dalam konteks demografi masa kini dianggap sebagai suatu yang boleh mempengaruhi pertumbuhan dan penghijrahan penduduk di masa mendatang.

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada-kepada contoh-contoh yang sesuai.

[25 markah]

.../2

4. Kefahaman dan penyelesaian terhadap isu-isu alam sekitar masa kini memerlukan pendekatan dan kerjasama global. Bincangkan.

[25 markah]

BAHAGIAN B

5. (i) Jelaskan ciri-ciri petempatan Felda.

[10 markah]

- (ii) Bincangkan perbezaan dan persamaan ciri-ciri tersebut dengan petempatan kampong tradisional.

[15 markah]

6. (i) Nyatakan pembahagian aktiviti ekonomi penduduk dunia pada masa kini.

[5 markah]

- (ii) Dengan merujuk kepada negara tertentu, bincangkan sejauhmanakah pembahagian tersebut mencerminkan tahap kemajuan sesebuah negara.

[20 markah]

7. Dengan merujuk kepada negara tertentu, bincangkan perbezaan proses pembangunan bandaraya tersebut dengan yang berlaku di dalam bandar zaman perindustrian.

[25 markah]

.../3

8. (i) Jelaskan maksud perancangan pembangunan lima tahun negara.

[5 markah]

(ii) Dengan merujuk kepada negara anda, bincangkan strategi-strategi pembangunan yang dijalankan dan kesannya ke atas pola gunatanah pada masa kini.

[20 markah]

- oooOOooo -

